



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SAARANI MOHAMAD
MENTERI BESAR PERAK**

**SEMPENA PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN
KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG**

Bismillahirrohmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
salam sejahtera.

Terima kasih pengerusi majlis.

Alhamdulillah Hi Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala
Saidil Mursalin, Waima Mil Muttaqin, Waala Alihi Waahli Baitihi
Wasohbihi Ajmain.

Yang Berhormat Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid
Yang DiPertua Dewan Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat Tuan Azmir Shah Bin Zainal Abidin
Penasihat Undang-undang Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan
Pegawai Kewangan Negeri Perak

Yang Berhormat Encik Khairul Shahril Bin Mohamed
Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan
Multimedia Negeri Perak

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Yang Amat Berbahagia Orang Besar-Besaran Negeri Perak

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Taib Bin Haji Ubah
Pengarah Penerangan Negeri Perak

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan

Rakan-rakan media,

Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana atas kebesaran dan keagungan-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan serta kelapangan waktu

untuk menjayakan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Negeri Perak Darul Ridzuan 2021 pada hari ini.

2. Mewakili kepimpinan Kerajaan Negeri Perak, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh jawatankuasa kerja yang terlibat dalam menjayakan program kita pada petang ini.

Para hadirin sekalian,

3. Ini adalah tahun kedua kita memasuki bulan kemerdekaan dalam suasana negara dicengkam pandemik COVID-19. Pada Ogos tahun lalu, angka jangkitan baru kes COVID-19 di negara kita hanya berlegar sekitar satu atau dua angka. Misalnya, pada tarikh hari ini tahun lalu, kita hanya merekodkan **9** kes baru manakala kes positif terkumpul sebanyak **9,103** dengan hanya **125** kematian.

4. Namun selepas setahun, angka-angka ini sudah melonjak jauh lebih tinggi. Jangkitan baru harian kini sudah melepasi angka 20,000 kes dengan kes positif terkumpul keseluruhan sudah mencecah 1.29 juta dengan angka kematian melebihi 11,000 orang.

5. Saban hari, kita mendengar satu persatu berita duka kematian ahli keluarga, rakan-rakan, jiran-jiran serta kenalan terdekat kita. Ramai anak-anak kecil menjadi yatim piatu, datuk dan nenek meninggal dunia, ibu bapa kehilangan anak, malah ada pasangan menangi pemergian insan tersayang yang menghembuskan nafas terakhir berseorangan di hospital. Turut meruntun perasaan kita apabila ada petugas barisan hadapan yang terkorban akibat dijangkiti ketika bertungkus-lumus menyelamatkan nyawa pesakit.

6. Saban hari, emosi kita sering tersentuh dengan kisah-kisah derita rakyat yang terkesan dengan segala macam kesusahan. Ada yang bergelut meneruskan kehidupan kerana hilang pekerjaan. Begitu juga peniaga-peniaga kecil yang masih bergelut akibat terputus mata pencarian. Ada yang terpaksa tunduk dan gulung tikar kerana tidak mampu menahan asakkan berterusan impak COVID-19.
7. Anak-anak kita pula terpisah dari alam persekolahan berbulan-bulan lamanya sekaligus membawa kita kepada persoalan, apakah agaknya nasib mereka dalam menghadapi suasana sistem pendidikan yang semakin tidak menentu.
8. Pendek kata, penularan COVID-19 yang membayangi kehidupan kita selama hampir dua tahun ini bukan sahaja melumpuhkan ekonomi, malah mengkucar-kacirkan kehidupan segenap lapisan rakyat.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

9. Meskipun berat ujian yang sedang kita hadapi ini, jangan kita berasa putus asa dan putus ikhtiar untuk terus berjuang. Walaupun ada waktunya kita berasa lelah dan penat untuk menghadapi situasi yang kian tenat, fikirkanlah nasib anak-anak kita yang akan menghadapi hari-hari yang mendatang.
10. Waima sukar mana sekalipun, ini bukan masanya untuk kita menyerah kalah. Musuh yang tidak kelihatan ini mesti kita tewaskan supaya mudah-mudahan, anak-anak dan generasi kita yang akan datang tidak lagi perlu mengharungi segala keperitan yang sedang kita rasai hari ini. Sesungguhnya, ini adalah amanah dan tanggungjawab yang mesti kita pikul bersama.
11. Pada masa ini, program vaksinasi dilihat satu-satunya jalan untuk membawa kita keluar dari krisis ini. Setiap daripada kita punya peranan untuk kita mencapai matlamat imuniti berkelompok.

Pastikan setiap ahli keluarga kita, rakan-rakan kita, jiran-jiran kita atau sesiapa sahaja kenalan kita untuk sama-sama menjayakan usaha ini.

12. Bagi pihak kerajaan negeri, saya dan rakan-rakan dalam pentadbiran akan menggembeleng segala kekuatan, bukan sahaja untuk menjayakan program vaksinasi ini, tetapi juga membantu golongan rakyat yang terkesan.

Saudara dan saudari yang dirahmati Allah sekalian,

13. Setiap tahun apabila menjelang sambutan Hari Kebangsaan, ia menyedarkan kita semula tentang pentingnya semangat patriotisme dan cinta kepada negara. Bagi saya, dalam keadaan negara yang sedang berdepan ancaman COVID-19, semangat patriotisme ini menjadi sangat penting.

14. Penerapan semangat patriotisme bukan sahaja menjadi ciri penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang merdeka, tetapi juga mampu membina kerukunan jitu dalam kalangan rakyat bagi menghadapi cabaran seperti ancaman besar yang sedang kita hadapi hari ini.

15. Sempena Bulan Kebangsaan dan kempen Jalur Gemilang tahun ini, saya menyeru kepada seluruh lapisan rakyat untuk kita sama-sama membangkitkan semangat patriotisme sebagai tanda solidariti kita dalam melawan musuh yang tidak kelihatan ini.

16. Jalur Gemilang melambangkan kesetiaan dan kesatuan kita sebagai rakyat Malaysia. Marilah kita sama-sama menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan ini dengan mengibar jalur gemilang di rumah, di bangunan pejabat, bangunan perniagaan bahkan di kenderaan kita.

17. Bermula 1 Ogos 2021, lebih 10,000 Jalur Gemilang telah diedarkan secara serentak di seluruh Perak sempena Pelancaran Kempen Jalur Gemilang Peringkat Negeri Tahun 2021. Kempen yang dijalankan secara norma baharu ini telah diadakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Lalu, Stadium Indera Mulia. Ia seiring dengan pelaksanaan Program Vaksinasi Peringkat Negeri Perak. Kempen ini juga diperluaskan dengan mengedarkan Jalur Gemilang di Sekatan Jalan Raya (SJR).

18. Kita juga telah mengagihkan beg cenderahati termasuk pelekat magnet Jalur Gemilang yang boleh ditampal di kenderaan, bendera tangan dan bendera besar yang boleh digantung di rumah masing-masing.

19. Saya juga ingin memaklumkan, sempena sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini khususnya di negeri Perak, beberapa pengisian program telah dirancang termasuklah Program Bicara Kemerdekaan secara atas talian dan *Info on Wheels Merdeka*

untuk menambahkan ilmu pengetahuan kita sempena Hari Kebangsaan.

20. Saya turut mengalu-alukan penyertaan semua dalam aktiviti pertandingan seperti Pertandingan Pidato Hari Kebangsaan, Keceriaan Bulan Kebangsaan, Kahoot-Kuiz Online, Bintang Patriotik *Smule*, Teka Silang Kata Online, Selebriti Merdeka PerakFM dan Kuiz Kemerdekaan PerakFM.

21. Segala maklumat aktiviti akan disebarakan melalui *Facebook* Jabatan Penerangan Negeri Perak dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Tidak lupa juga kepada agensi-agensi lain yang turut bekerjasama mempromosikan sambutan ini. Antaranya, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Digital Perak dan *Strategic Communication* (StratCom). Saudara dan saudari amat digalakkan untuk sentiasa mengikuti dan menyokong program-

program yang telah disediakan ini untuk menyemarakkan lagi sambutan kemerdekaan.

Saudara dan saudari yang dikasihi,

22. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan majlis ini. Sesungguhnya, kerjasama baik yang telah ditunjukkan ini juga boleh diterjemahkan dalam program-program akan datang, lebih-lebih lagi dalam kita membina kekuatan untuk terus berjuang melawan pandemik COVID-19.

23. Dengan harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahhi Rahmannir Rahim, merasmikan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2021.

24. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalaummualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh